

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH : 2 MAC 2018 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pasukan khas bangunkan blockchain	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 29  
TARIKH : 2 MAC 2018 (JUMAAT)**

BH Jumaat, 2 Mac 2018

Ms.29

→ **BISNES**

# Pasukan khas bangunkan blockchain

➊ Sistem halang pemalsuan rangkumi pelbagai industri

Oleh Farah Adilla  
bbbiz@nsp.com.my

**K**erajaan menubuhkan pasukan petugas khas terutamanya kepada pelaksanaan blockchain di negara ini, selain komponen patuh syariah teknologi berkewajipan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata ada banyak potensi yang boleh diperlakukan blockchain merangkumi pelbagai industri, khususnya sektor kewangan Islam.

Blockchain merujuk kepada senarai rekod sentiasa berkembang,

dipanggil 'block', yang dikaitkan menggunakan kripto.

Sistem itu direka bentuk menggunakan perjanjian nod bagi menjalankan urus niaga dan ia secara berkesan digunakan bagi menghalang pemalsuan.

**Teknologi sedia kecekapan**

"Blockchain semakin diperkatakan di seluruh dunia dan Malaysia tidak mahu ketinggalan. Kami mengakui bahawa teknologi ini boleh menyediakan kecekapan merentasi pelbagai industri di Malaysia.

"Kita sedang dalam peringkat awal pasukan petugas khas ini, namun akan membincangkan pelaksanaan serta infrastruktur diperlukan bagi teknologi ini dan akan menyokong ia sepenuhnya.

"Malaysia kini menerajui industri halal dan kewangan Islam. Kita juga mahu menjadi pemimpin sektor kewangan teknologi (fintech) Islam pada masa hadapan," katanya pada Forum Wakaf dan

Blockchain Antarabangsa (IWBF) di Kuala Lumpur, semalam.

Acara dianjurkan bersama oleh Finterra Technologies Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan blockchain dan Pusat Antarabangsa Penyelidikan Wakaf (ICWR), sebuah unit di bawah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Abu Bakar berkata, kementerian sedang berbincang dengan beberapa pihak berkepentingan berhubung pembangunan blockchain di negara ini dan pada akhir perbincangan, akan membangunkan garis panduan patuh Syariah teknologi blockchain.

"Meningkatnya inovasi yang berlaku dalam bidang kewangan dan teknologi, maka pihak berkuasa agama dan kewangan Islam, termasuk wakaf perlu bertindak berhati-hati dan berubah, khususnya dari segi tadbir urus supaya kekal relevan, terutama kerana mereka adalah institusi sosioekonomi utama dalam pasaran kewangan hari ini," katanya.



[ FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM / BH ]  
**Abu Bakar menyaksikan pertukaran dokumen antara Ketua Pegawai Eksekutif Finterra Technologies, Hamid Rashid (kanan) dan Profesor Dr Abdul Aziz Berghout pada Forum Wakaf dan Blockchain Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.**